


KONSEP DAN APLIKASI HISBAH DALAM PERNIAGAAN PRODUK HALAL

CONCEPT AND APPLICATION OF HISBAH IN THE HALAL PRODUCT BUSINESS

Adam Drahmanⁱ & Suhaimi Ab. Rahmanⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author) Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia.
Email: adamdrahman@gmail.com

ⁱⁱ Jabatan Pengurusan dan Pemasaran Fakulti Ekonomi dan Pengurusan & Institut Penyelidikan Produk Halal Universiti Putra Malaysia

 <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol18no1.3>

Abstract	Abstrak
<p><i>This article discusses the application of hisbah in the business of halal products in Malaysia. Basically, there are areas of enforcement powers held by authorities on the issue of halal business in Malaysia. The objective of this study was to evaluate whether the authorities adopt the principles hisbah in their surveillance and enforcement activities. To achieve this objective, qualitative method has been used by using document analysis to achieve the desire result. The study found that there are efforts to adopt the principles of hisbah in the surveillance and enforcement of halal products business in Malaysia. This is the effect of the impact and influence of Islam as the official religion of the State. In hisbah application issues, most contemporary Muslim scholars are of the view to promoting its implementation. Studies on the application of hisbah in the business of halal products backed by the</i></p>	<p><i>Artikel ini membincangkan mengenai aplikasi hisbah dalam perniagaan produk halal di Malaysia. Secara asasnya, terdapat bidang kuasa penguatkuasaan yang dimiliki oleh pihak berkuasa berhubung isu perniagaan produk halal di Malaysia. Objektif kajian ini adalah bagi menilai sama ada pihak berkuasa menerapkan prinsip hisbah di dalam aktiviti pengawasan dan penguatkuasaan mereka. Bagi mencapai objektif tersebut, kaedah kualitatif digunakan dengan menggunakan pendekatan analisis dokumen untuk mendapatkan hasil kajian. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat pendekatan menggunakan hisbah pengawasan dan penguatkuasaan perniagaan produk halal di Malaysia. Ini merupakan kesan dan pengaruh daripada pengaruh Islam sebagai agama rasmi Negara. Dalam isu aplikasi hisbah, kebanyakan para sarjana Islam kontemporari lebih cenderung kepada pandangan yang mengalakkan perlaksanaannya. Kajian ke atas aplikasi badan hisbah terhadap perniagaan produk halal dengan disokong oleh keperluan halal</i></p>

<p>country's halal requirements could have a significant impact on the industry and economy of Muslim community in Malaysia, as well as resolve the issues of overlapping jurisdictions and so on.</p> <p>Keywords: applications, hisbah,(ombudsmen), businesses, products, halal</p>	<p>negara mampu memberi kesan yang besar terhadap industri halal dan ekonomi masyarakat Islam di Malaysia, sekaligus menyelesaikan isu-isu pertindihan kuasa dan sebagainya.</p> <p>Kata kunci: aplikasi, hisbah, perniagaan, produk, halal</p>
---	---

PENGENALAN

Perniagaan produk halal di Malaysia berkembang dengan cukup pesat seiring dengan tren industri halal terkini. Menurut Mustafa, pasaran industri perniagaan produk halal global menawarkan potensi yang cukup besar dan ianya berkembang dengan cukup pesat yang boleh diteroka oleh semua pemain industri halal khususnya di Malaysia (*Business and Investment magazine*, 2015). Semakin ramai pihak yang sedar terhadap betapa pesatnya perkembangan perniagaan produk halal, maka semakin ia mendapat sambutan daripada pelbagai pihak terutamanya pengguna Islam di seluruh dunia. Dalam *Global State of Islamic Economic* (2015) melaporkan bahawa permintaan terhadap produk halal dunia akan mengalami pertumbuhan sebesar 9.5 peratus dalam masa enam tahun ke depan, iaitu dari 2 trilion dollar US pada 2013 menjadi 3.7 trilion dollar US pada 2019.

Perkembangan ini amat memberansangkan pertumbuhan ekonomi perniagaan produk halal terutamanya apabila kita melihat Malaysia sebagai Hab halal dunia dan dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan pengeluaran produk yang patuh syariah. Justeru itu, sebagai institusi yang menjamin mutu, integriti, dan kehalalan sesuatu produk, *hisbah* dilihat sebagai suatu mekanisme terbaik untuk diaplikasikan bagi menangani isu-isu penyelewengan dalam perniagaan produk halal. Malaysia pernah digemparkan dengan isu produk coklat cadbury, hal ini tidak hanya sekedar mendapat perhatian di Malaysia malah di dunia luar, contohnya ketika penulis membuat kajian di Wilayah Aceh Indonesia baru-baru ini, semasa membuat temubual berkaitan kajian ada ditanya berkenaan isu coklat di Malaysia (*Lembaga Hisbah Aceh*, 2015). Hal ini sedikit sebanyak mencemarkan Malaysia sebagai sebuah Negara yang mempelopori pensijilan halal dan sebagai sebuah Negara yang memberikan pengiktirafan kepada badan-badan Islam di peringkat antarabangsa.

Ramai menyedari bahawa pasaran perniagaan produk halal telah menjadi tumpuan industri yang sangat menarik untuk digarap oleh pemain industri, baik di sektor barangan mahupun perkhidmatan(6th Muslim World

Biz, 2015). Keselamatan perniagaan produk makanan halal misalnya, menjadi semakin penting terutamanya bagi makanan yang dipasarkan bagi tujuan komersial. Ini kerana terdapat perubahan dalam bidang sains dan teknologi serta meningkatnya kehendak perdagangan dalam negara dan juga antarabangsa dalam penghasilan produk makanan halal (Azlin, 2015). Perkembangan dan penggunaan teknologi dalam perniagaan produk halal ini semakin mencabar kedudukan keselamatan makanan terutamanya, kerana teknologi dalam bidang penghasilan makanan berkembang begitu cepat sekali tanpa sempat kajian-kajian selanjutnya dilakukan untuk melihat kesan yang dihasilkan sama ada ianya selamat atau tidak. Kedudukan *hisbah* sebagai satu konsep kawalan keselamatan dan mutu dalam perniagaan produk halal adalah sesuai pada masanya dan tempatnya. Ini adalah kerana konsep *hisbah* sangat mengutamakan prinsip amanah dan tanggungjawab di dalam setiap segala urusan jual beli ataupun perniagaan.

Madzelah (2008) menjelaskan bahawa institusi *hisbah* merupakan aspek penting dalam sistem pemerintahan dan urus tadbir Islam yang telah terbukti kejayaannya. Ianya merupakan sistem yang berkembang dalam masyarakat Islam untuk memelihara kepentingan umum. Aplikasi *hisbah* ini amat dituntut untuk menerajui mana-mana sistem pengurusan terutamanya perniagaan produk halal. Ini menjadikannya ciri penting bagi menentukan kejayaan, kemajuan dan kecemerlangan mana-mana syarikat ataupun organisasi. Jaminan ini adalah berteraskan kejayaan dan keberuntungan yang dijanjikan Allah S.W.T. dalam surah Ali Imran yang bermaksud; “Dan hendaklah di antara kamu ada segolongan orang yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh (berbuat) yang ma’ruf dan mencegah dari yang mungkar. Dan mereka itulah orang-orang yang beruntung” (ali ‘Imran :104).

Oleh itu *hisbah* adalah bentuk pengawasan yang dapat mengajak para pemain industri halal melakukan kebaikan dan menghindari daripada berlakunya kemungkar. Dalam konteks perniagaan produk halal pula, *hisbah* mampu menggalakkan para peniaga melaksanakan *amar makruf dan nahi mungkar* di samping menjadikan integriti sebagai amalan yang sentiasa diterapkan di dalam menghasilkan sesuatu produk perniagaan mereka. Dengan itu keyakinan pengguna terhadap produk halal akan dapat ditingkatkan serta sambutan yang lebih menggalakkan akan memeriahkan lagi industri ini.

KONSEP HISBAH

Hisbah merupakan elemen penting dalam pengurusan Islam yang berperanan sebagai sistem pengawasan terhadap sesebuah masyarakat, organisasi, dan individu. Prinsip *hisbah* bermula dengan pengawasan dalaman yang dikenali sebagai *muhasabat al nafs*. Ia merupakan asas pengawasan yang bertujuan memastikan pentadbiran dan pengurusan berjalan dengan baik dan tidak

berlaku percampuran antara yang benar dan yang batil ketika melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Pengawasan dalaman merupakan pengawasan terhadap diri sendiri yang timbul daripada kesedaran bahawa Allah SWT sentiasa mengawasi setiap manusia dan segala amalan yang dilakukan oleh manusia akan diperhitungkan di akhirat (Marzelah, 2008).

Apabila organisasi itu gagal memainkan peranan secara berkesan dalam pentadbiran, *muhtasib* perlu mendedahkan perkara ini dan mengambil tindakan untuk menguraikan kekusutan yang berlaku (Al-Sahi, 1983). Dengan adanya *muhtasib* dan prinsip-prinsip yang terdapat dalam *hisbah* ianya cukup penting bagi mengawasi dan mengendalikan ekonomi khususnya perniagaan produk halal. Aplikasi prinsip-prinsip *hisbah* amat perlu agar pentadbiran dapat dilaksanakan dengan baik selain daripada memastikan pendapatan diperolehi dengan cara betul.

Akram (1982) pula menegaskan bahawa *hisbah* pernah berperanan mencorakkan kegiatan ekonomi dari segi menjamin keadilan, mewujudkan kecekapan dan mengawal harga, hak milik dan penggunaan sumber tenaga manusia yang berkesan. Sebagai khalifah Allah yang dipertanggungjawabkan untuk menegakkan *ma'ruf* dan *nahi mungkar*, manusia mempunyai kecenderungan untuk lalai dan lupa. Di dalam tradisi Islam, *hisbah* ialah instrumen khusus untuk membetulkan sebarang bentuk kepincangan. Bagi memastikannya berlaku maka *amar ma'ruf* harus berjalan dan *nahi mungkar* dapat dilaksanakan.

PENGERTIAN HISBAH

Menurut Bahasa

Perkataan *hisbah* (حسبة) berasal dari kata dasar Bahasa Arab *حسب - يحسب* (*hasaba-yahsubu*) yang bermaksud "mengira" dan "jumlah" (Mahmud Yunus, 1989). Abd Karim Zaidan dalam kitabnya *Nizam Al-Qada'i*, juga ada menyebut bahawa *hisbah* dari sudut bahasa membawa maksud membilang dan menghisab. Dalam erti kata lain *hisbah* juga diambil daripada perkataan *al-Ihtisab* dan *al-Ihtisab* dipakai dalam melakukan sesuatu yang diperhitungkan pahala disisi Allah S.W.T. (Abd. Karim Zaidan, 1984). Abi Husayn (1972) menjelaskan bahawa perkataan *hisbah* berasal daripada *ha-sa-ba* yang mempunyai beberapa pengertian iaitu bilangan, kebanggaan, memadai dan ganjaran. Di dalam al-Quran perkataan *ha-sa-ba* termasuk kata-kata terbitannya disebut sebanyak 109 kali dan kesemuanya bermaksud mengira, menghitung, menilai dan termasuk juga Hari Perhitungan (Khairul Anwar, 2001).

Menurut Istilah

Manakala menurut pengertian dari sudut istilah, *hisbah* mempunyai maksud menyuruh melakukan yang ma'rif apabila ternyata ditinggalkannya dan dicegah kemungkaran apabila ternyata dilakukan (Al-Mawardi, 450 H). Ibnu Khaldun pula berpendapat bahawa *hisbah* adalah tugas keagamaan yang termasuk di dalam bab perintah melakukan ma'rif dan mencegah kemungkaran. Ia merupakan kewajipan ke atas mereka yang mentadbir urusan umat Muslimin untuk melantik seseorang yang mampu melaksanakan tugas *hisbah* di dalam sesuatu masyarakat (Abd al-Rahman, t.t).

Dalam konteks perniagaan produk halal, apabila wujud satu tindakan yang menggesa atau menjurus ke arah perbuatan baik dalam segala urusan, dapat menjamin kualiti sesuatu produk halal. Di samping itu jaminan halal terhadap pengguna terutama pengguna Islam yang mengutamakan kehalalan sesuatu produk itu akan lebih terjamin. Implikasi daripada sistem *hisbah* yang diaplikasi dalam perniagaan produk halal di Malaysia menaikkan nama baik Malaysia sebagai pencetus pensijilan halal antarabangsa dan menaikkan ekonomi umat Islam sejagat.

Menurut Al Quran

Abd Karim Zaidan (1984), menyatakan bahawa setiap ayat yang datang dalam tajuk *amar bil ma'rif* dan *nahi mungkar* adalah dikira sebagai dalil pensyariatan *hisbah*. Antara lain ayat dalam Surah Ali 'Imran:104, yang bermaksud;

"Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat baik segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji) dan mereka bersifat demikian, ialah orang-orang yang berjaya." Dalam surah Taubah ayat 71, yang bermaksud;

"Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain, mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan".

Menurut Hadis

Dalam sunnah Nabawiyah terdapat banyak hadis yang menunjukkan kepada pensyariatan menyuruh berbuat yang ma'rif dan mencegah kemungkaran, ertinya pensyariatan *al-hisbah* (Abd karim Zaidan, 1984). Di antara hadis Rasulullah SAW yang ialah;

"Siapa di antara kamu melihat kemungkaran, maka hendaklah ia merubahnya dengan tangannya (kuasa yang ada padanya). Jika ia tidak mampu (merubah dengan tangannya) maka (hendaklah merubah) dengan lidahnya. Jika tidak mampu (merubah

dengan lidahnya) maka hendaklah dengan hatinya, dan yang demikian itu adalah selemah-lemah iman” (H.r. muslim,)

Amar ma'ruf ialah segala yang baik atau benar iaitu segala perintah yang diperintahkan oleh Allah SWT., manakala *mungkar* atau *nahi mungkar* ialah segala perbuatan yang jahat dan salah iaitu perkara yang dilarang oleh Allah SWT (Ghazali (2001). Menurut Ghazali (2001) lagi, bahawa sebagai seorang pemimpin dan pendakwah, haruslah berani membuat teguran ke atas perkara mungkar yang kita lihat atau temui dengan sedaya upaya kita sendiri. Selemah-lemah keadaan seseorang, sekurang-kurangnya dia wajib menolak kemungkaran dengan hatinya, sekiranya dia masih ingin dianggap oleh Allah SWT sebagai seorang yang masih mempunyai iman, walaupun iman yang paling lemah (M. Natsir, 1996).

Justeru itu, penegakkan *hisbah* ini adalah merupakan perintah daripada Allah SWT, yang melibatkan keimanan seseorang mukmin. Kuat atau lemahnya iman seseorang itu adalah tergantung kepada peranannya dalam amar ma'ruf dan nahi mungkar.

Hadis lain pula ada menyatakan dengan maksud;

“Sesungguhnya hendaklah kamu menyuruh berbuat yang ma'ruf dan hendaklah kamu mencegah kemungkaran, atau (kalau tidak maka) sesungguhnya Allah akan membiarkan orang-orang jahat menguasai kamu, kemudian lalu berdoa orang-orang yang baik dari kalangan kamu, maka tidak diperkenankan lagi doa mereka itu”.

Hisbah Menurut Fuqaha

Al-Mawardi (t.t) menyatakan bahawa hukum *hisbah* adalah fardhu 'ain bagi pemegang tanggungjawab dan kekuasaan. Adanya ketegasan dalam melaksanakan tanggungjawab dan kekuasaan serta bersedia menghulurkan bantuan apabila diperlukan. Pendapat ini juga dikemukakan oleh Ibnu Hazm Azh-Zhaahiri, Ibnu Abi Zaid Al-Qiiruniy, Az-Zujaaj, Ibnul Juzi, Syaikh Muhammad 'Abduh, Syaikh Rasyid Ridha', Syaikh 'Ali Al-Khafifi, dan sebagian Ahli Fiqih Imamiyah (Syi'ah), yang mengatakan bahawa *amar ma'ruf nahi munkar* adalah wajib bagi setiap *mukallaf* (Madzelah, 2008).

Ibnu Taimiyyah (728m), menegaskan bahawa tugas pihak penguasa adalah bertujuan untuk mencari keredhaan Allah dan membesarkan kalimah Allah. Setiap pemerintahan dan pentadbiran Islam dipertanggungjawabkan untuk menegakkan *amar makruf* dan *nahi mungkar* sama ada dalam bidang yang besar mahupun yang kecil.

Manakala sebahagian lagi *fuqaha* berpendapat bahawa hukum *hisbah* adalah *fardu kifayah*. Antara *fuqaha* yang menyokong bahawa *hisbah* ini adalah *fardu kifayah* ialah al-Duhhak, al-Tabari, Ahmad bin Hanbal dan *jumhur fuqaha*. Pendapat ini dikemukakan oleh *jumhur* ulama yang mengatakan bahawa *amar ma'ruf wa nahi munkar* jika sudah dikerjakan oleh sebagian orang

maka gugurlah kewajiban yang lain yang tidak mengerjakannya (Madzelah, 2008).

SEJARAH PERKEMBANGAN HISBAH

Hisbah merupakan satu sistem yang khas dari sistem-sistem Islam. Ia berdiri di atas dasar tanggungjawab seorang Muslim membasmi kemungkaran dan menegak yang ma'ruf (Abd. Karim Zaidan, 1984). Sistem pengawasan dalam pengurusan dan pentadbiran mempunyai peranan yang cukup besar dalam sejarah Islam. Kewujudannya bermula semenjak zaman Rasulullah SAW sehinggalah kejatuhan empayar Islam Turki Uthmaniyyah. *Hisbah* di zaman Rasulullah SAW, adalah merupakan suatu amalan untuk memelihara diri dalam mentaati perintah Allah SWT dan meninggalkan segala larangan-Nya, Pada masa itu, *hisbah* belum lagi wujud sebagai sebuah institusi pentadbiran masyarakat Islam (Marzelah, 2008). Namun, *hisbah* bukanlah sesuatu yang asing dari sistem kehakiman, ekonomi dan pentadbiran bahkan ia seperti mana yang diungkapkan oleh para fuqaha'.

Institusi *hisbah* adalah merupakan salah satu teras pengurusan dan pentadbiran Islam. *Hisbah* yang dulunya berfungsi dengan tugas mengawasi akhlak dan perniagaan di pasar, kemudiannya telah mengalami transformasi yang amat dinamik sehingga meliputi tugas-tugas keselamatan, keamanan dan kebajikan setiap lapisan masyarakat dan bidang kerjaya. Hasil daripada transformasi tersebut, *hisbah* telah dibentuk sebagai suatu amalan pengurusan Islam yang tulen.

***Hisbah* Zaman Rasulullah SAW**

Kemunculan *hisbah* telah diperkenalkan oleh Rasulullah SAW yang sentiasa menyuruh umatnya menjalankan perniagaan dengan jujur dan ikhlas. Bahkan baginda melarang keras umatnya melakukan penipuan semasa berniaga seperti mengurangkan timbangan, boros, kedekut, membazir, mengambil keuntungan berlipat ganda, tidak beramanah dan sebagainya (Mardzelah, 2008). Semua ini adalah sifat-sifat *mazmumah* atau nilai-nilai buruk yang akan membawa kemusnahan.

Menurut Ibn Qayyim, Rasulullah SAW telah mendidik umat Islam dalam menjalankan pelbagai aktiviti kehidupan yang menyentuh dalam aspek memelihara perjanjian dan mengamalkan perniagaan yang sihat. Banyak hadis-hadis baginda yang secara jelas menekankan etika dan peraturan-peraturan yang terbaik dalam menjalankan aktiviti perniagaan seperti mencegah perbuatan *ihthikar*, jual beli yang mengandungi unsur penipuan, perbuatan orang bandar yang membeli barang orang kampung dengan harga murah sebelum sempat ke bandar untuk mengetahui harga semasa barangan mereka dan mengharamkan sesuatu jualan dengan dua akad dan seterusnya (Marzelah, 2008).

Pada zaman Rasulullah SAW, baginda dan para sahabat telah melaksanakan fungsi *hisbah* dengan secara langsung daripada mereka sendiri. Mereka sentiasa menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran serta membimbing umat Islam dalam urusan duniawi atau keagamaan dan kadang-kadang bertindak dengan bidang kuasa. (Muhammad al-Buraey, 1985). Hal ini diperkukuhkan lagi oleh Ahmad Ibrahim (1962) yang menyatakan bahawa pengawasan atau pengawalan yang dilakukan oleh pemerintah terhadap semua aktiviti telah bermula pada zaman Rasulullah SAW.

Pada zaman Rasulullah SAW, penyelia pasar (*sahib as-suq*) ataupun petugas pasar (*amil ala as-suq*) yang bertanggungjawab menyelia dan mengawasi perjalanan perniagaan di pasar dan menentukan kedudukan timbangan dan sukatan dalam uruniaga. (Ma'tuq, 1882). Menurut Auni Abdullah (2000), pada zaman Rasulullah S.A.W. juga apabila mendapati masyarakat tidak memberikan komitmen, tindakan akan diambil seperti memberikan bimbingan dan teguran, memberikan nasihat dengan mengenakan ugutan dan ancaman. Manakala tindakan menggunakan kuasa, iaitu seperti mengenakan sebatan, dikenakan hukuman *takzir*, bergantung kepada tahap-tahap kemungkaran yang dilakukan.

Hisbah Zaman Khulafa' al-Rasyidin

Pemerintahan yang terkenal dengan kewibawaan dalam kepimpinan iaitu Saidina Umar al-Khatab, telah menubuhkan beberapa jabatan untuk mengendalikan pemerintahan termasuk institusi *hisbah*. Saidina Umar al-Khatab juga dilaporkan menjadi *muhtasib* yang sentiasa meninjau keadaan di pasar dengan sebatang tongkat sambil memberi teguran dan arahan serta mendengar aduan daripada masyarakat. Dalam konteks ini, Saidina Umar pernah menegur seorang sahabat yang membawa muatan di atas seekor kaldai agar membawa muatan itu sekadar kemampuannya (Marzelah, 2008).

Selain itu, Saidina Umar juga menggunakan teknik penyamaran untuk turun ke padang melihat gelagat peniaga. Teknik ini memberi peluang untuk beliau mengetahui corak perdagangan yang diamalkan oleh peniaga sebenarnya. Dari situ juga beliau akan memperbetulkan kesilapan sekiranya berlaku penyelewengan dan penipuan. Pernah suatu ketika beliau menjalankan pengawasan di sebuah pasar. Beliau terdengar perbincangan seorang lelaki menyuruh anaknya mencampurkan susu dengan air untuk dijual. Suruhan ayahnya itu ditentang oleh anaknya dengan mengatakan "Walaupun Saidina 'Umar tidak melihat perbuatan kita tetapi Allah Maha Melihat Lagi Maha Mengetahui" (Sa'id bin 'Abd Allah, 1987).

Hisbah Zaman Umayyah

Amalan institusi *hisbah* terus dijalankan pada zaman pemerintahan empayar Umayyah. Institusi *hisbah* menjadi terkenal pada zaman pemerintahan Khalifah al-Walid ibn Abd Malik yang tegas dalam melaksanakan prinsip *hisbah* sehingga sanggup meronda di pasar-pasar sambil bertanya dan bertukar pandangan dengan penjual sayur mengenai harga-harga barang. Seterusnya tradisi institusi *hisbah* dikekalkan sehingga pada zaman Hisyam ibn 'Abd Malik, terdapat dua orang adik beradik, iaitu Daud dan Isa ibn 'Abd Allah ibn 'Abbas yang ditugaskan mengawal pasar-pasar di Iraq. Kepentingan institusi *hisbah* bertambah ketara pada zaman akhir pemerintahan kerajaan 'Umayyah di mana perkataan *muhtasib* mula diperkenalkan untuk menggantikan panggilan penyelia pasar atau petugas pasar (Ibn al-Taimiyyah, m. 728H).

Hisbah Zaman Abbasiyah

Zaman Abbasiyah, institusi *hisbah* merupakan jabatan kerajaan yang berasingan dengan bidang-bidang tugas yang semakin diperluas. Ia meliputi pentadbiran pusat dan daerah. Keadaan ini menjadikan *muhtasib* memerlukan pembantu yang ramai. Khalifah Abu Ja'far al-Mansur (136-158H/754-775M) pernah melantik Abu Zakaria Yahya ibn 'Abd Allah sebagai *muhtasib* di kota Baghdad dan 'Asim ibn Sulaiman al-Ahwal di Kota Kufah dengan bidang tugas yang ditetapkan iaitu mengawasi soal sukatan dan timbangan.

Tradisi institusi *hisbah* diteruskan oleh Khalifah al-Mahdi (158-169H/775-785M) yang memperkenalkan istilah wilayah *al-hisbah* secara rasmi dan menyusun sistem institusi *hisbah* dengan lebih teratur dan sistematik. Institusi *hisbah* telah ditubuhkan sebagai sebuah jabatan atau dewan dengan tujuan untuk melicinkan pentadbiran di wilayah-wilayah. Bidang tugas institusi ini tidak lagi terbatas kepada kegiatan ekonomi tetapi meliputi pertukangan, perdagangan, perindustrian dan pentadbiran. Begitu juga dengan Khalifah al-Muqtadir (295-320H/908-932M) yang melantik *muhtasib* dari golongan ulama seperti Abu Sa'id al-Astakhtri di kota Baghdad dengan diberi bidang tugas yang lebih luas termasuk bidang akhlak dan moral masyarakat (Hamarneh, 1983).

Hisbah Zaman Utmaniyah (Turki)

Apabila empayar Uthmaniyah bertapak di Turki, pelaksanaan institusi *hisbah* berjalan secara sistematik. Tugas-tugas dan bidang kuasa *muhtasib* telah dimaktubkan dalam sebuah buku yang bertajuk *Ihtisab Kanunameleri*. Menurut buku tersebut, bidang tugas *muhtasib* terbahagi kepada dua iaitu *ihtisab nabasi dan ihtisab emini*. Ia juga menjelaskan mengenai skop bidang tugas seseorang pegawai *hisbah*. Sebagai contoh, seorang *muhtasib* dengan berpangkatkan *Ihtisab Aghasi* diberi kuasa menetapkan cukai di wilayah-

wilayah dan meletakkan harga barangan serta menentukan had untuk bersih yang dibenarkan oleh kerajaan. Dalam menjalankan tugas memungut cukai, *muhtasib* dibantu oleh pembantu yang digelar *kol aghlanlari* dan *senedli* (Shaw, 1976). Pemegang jawatan *muhtasib* akan dipilih setiap tahun selepas menerima pencalonan yang diluluskan oleh kadi, wazir atau gabenor wilayah. Struktur organisasi *muhtasib* diletakkan di bawah tanggungjawab kadi.

Pada asalnya, bidang tugas dalam usaha mengenakan dan mengutip cukai tidak lari daripada matlamat utama penubuhan institusi *hisbah* iaitu mengawasi akhlak dan kelakuan masyarakat terhadap menjalankan perintah Allah SWT dan menjauhi Larangan-Nya. Namun lama-kelamaan, bidang tugas tersebut telah mengaburi hati *muhtasib* sehingga mereka tergamak mementingkan wang ringgit sehingga membebankan rakyat (Lewis Bernard, 1963). Lantas khalifah telah membatalkan cukai-cukai yang dikenakan bagi memelihara kesejahteraan dan menghapus bebanan yang keterlaluan yang dihadapi oleh rakyat.

Hisbah di Andalusia (Sepanyol)

Di Andalusia, jabatan *hisbah* merupakan sebahagian daripada jabatan polis. Namun selepas mengalami kepesatan perkembangan perdagangan di Andalusia, jabatan *hisbah* telah diasingkan sebagai sebuah jabatan induk. Walau bagaimanapun, dalam beberapa keadaan terdapat jabatan polis dan jabatan *hisbah* diketuai oleh orang yang sama seperti yang pernah dialami oleh Ibrahim ibn Husayn ibn khatib yang mengetuai kedua-dua jabatan secara serentak pada zaman pemerintahan 'Umayyah di bawah Khalifah Amir Muhammad ibn Abd al-Rahman (853-856). Keadaan yang sama dilalui Ayub ibn Sulayman ibn Hashim ibn salih al-ma'firi (meninggal dunia 914M) pada zaman Khalifah Amir 'Abd al-Rahman III (912-961M) (Imamuddin, 1963).

Kepentingan institusi *hisbah* di Andalusia semakin ketara dengan kemunculannya pada sekitar abad ke 11 hingga ke 14M. Pemerintah pada masa tersebut telah melantik *muhtasib* di setiap Bandar dengan dikenali sebagai '*sahib al-Suq*'. *Muhtasib* digelar begitu kerana kebanyakan tugas mereka adalah mengawasi dan menyelia pasar. Pelantikan *Sahib al-Suq* dipilih secara teliti daripada golongan yang berilmu, berkelayakan, bijak dan beramanah. Terdapat juga dalam kalangan hakim yang dilantik sebagai *muhtasib* dalam mengendalikan kes-kes yang berkaitan dengan etika perniagaan di pasar. Jawatan *muhtasib* tetap diteruskan walaupun Andalusia dijajah oleh Sepanyol pada tahun 1492 M. Semasa pemerintahan kerajaan Sepanyol, gelaran *muhtasib* telah ditukar dengan panggilan *Almotacen* yang bertugas untuk memastikan ketepatan timbangan dan sukatan (Hallaq, 1980).

OBJEKTIF HISBAH

Hisbah adalah instrumen penting di dalam tradisi Islam yang memainkan peranan khusus bagi membetulkan kepincangan dan memastikan *amar makruf* dapat ditegakkan dan kemungkaran dapat dielakkan (Ezam, 2006). *Amar makruf* dan *nahi mungkar* dalam dunia perniagaan adalah suatu perkara yang tidak dapat tidak dilaksanakan kerana penipuan dan penyelewengan tidak akan lari daripada bidang ini. Aplikasi *hisbah* melalui prinsip-prinsip asasnya adalah bertujuan membetulkan kepincangan yang berlaku dalam dunia perniagaan produk halal di Malaysia. Justeru itu penerapan prinsip-prinsip dalaman dan luaran yang ada pada *hisbah* dapat menjadikan pengawasan dan penguatkuasaan dalam perniagaan produk halal tersebut lebih berkesan dan menyakinkan. Pengawasan dan penguatkuasaan yang berkesan akan menambahkan keyakinan kepada pengguna terutamanya di Malaysia yang meyoritinya adalah pengguna Islam.

PENGAWASAN DALAM HISBAH

Hisbah mempunyai etika pengawasan yang merangkumi pengawasan dalaman dan luaran. Pengawasan dalaman merupakan pengawasan terhadap diri sendiri yang timbul daripada kesedaran bahawa Allah SWT sentiasa mengawasi setiap manusia dan segala amalan yang dilakukan oleh manusia akan diperhitungkan di akhirat (Azrin Ibrahim, 2013). Pengawasan dalam diri secara amnya bermaksud kritikan dan pembetulan diri (Auni Abdullah, 2000). Manakala bentuk pengawasan luaran adalah merupakan komponen pemantauan yang terdiri daripada masyarakat dan institusi rasmi daripada jentera kerajaan. Pengawasan ini bertindak secara pratikal kerana ia melibatkan pemerhatian dan pengawasan yang rasmi. Kedua-dua bentuk pengawasan ini juga dapat menjamin keadilan dan saling melengkapi antara bentuk pengawasan dalaman dan luaran.

Menurut Azrin Ibrahim, bahawa *hisbah* merupakan manifestasi kepada pelaksanaan sistem pengawasan Islam (Azrin, 2013). Sebaliknya Pengawasan merupakan salah satu proses dalam melaksanakan pengurusan secara Islam (YaPEIM, 2005). Fungsi pengawasan bersifat berterusan dalam memastikan segala urusan pengurusan berjalan mengikut perancangan yang ditetapkan. Di samping itu, tugas proses pengawasan ini juga berfungsi untuk mendedahkan mana-mana kesilapan yang berlaku dalam pengurusan. Seterusnya, bertindak segera dalam memperbetulkan kesilapan atau penyelewengan yang berlaku dengan tindakan sewajarnya mengikut lunas undang-undang Islam (Ahmad Ibrahim, 1991).

Pengawasan Dalaman

Pengawasan diri sendiri bermula apabila wujud kesedaran dalaman melalui proses penghayatan dan penerapan amanah dan bertanggungjawab sebagai

hamba Allah SWT dan menganggap kerja yang dipikul sebagai ibadah yang senantiasa diberi penilaian di dunia dan akhirat. Dalam buku “*Hisbah Pengawasan dan Etika Pengurusan Islam*”, Mardzelah (2008), mengklasifikasikan bahawa enam tahap pengawasan yang perlu dilakukan untuk menjadikan prinsip *hisbah* berkesan dalam pengawasan dan penguatkuasaan. Enam tahap berkenaan ialah:

i. *Musyaratah* (Menanam Azam)

Musyaratah bermaksud membuat pemsyaratan melalui ikatan perjanjian di dalam hati atau menanam azam di dalam kehidupan. Berdasarkan pemsyaratan yang telah disematkan, seseorang dapat melaksanakan tanggungjawabnya sebagai yang ditetapkan. *Musyaratah* amat penting bagi mengelak pertentangan dan konflik dalaman yang sering wujud dalam diri manusia. Oleh itu, tujuan utama *musyaratah* adalah menetapkan keazaman diri seseorang dengan matlamat yang jelas tanpa dicampuri dengan hal-hal yang lain. Kesimpulannya, proses *musyaratah* dimulakan dengan niat atau azam yang dihasilkan oleh *makrifat*, kemudian niat tersebut disematkan di dalam hati untuk diaplikasikan oleh anggota badan.

Keadaan ini dapat memberi petunjuk kepada manusia untuk berada di atas kebenaran dan dijauhi daripada terjerumus ke medan kemungkar. Bahkan *musyaratah* juga akan melahirkan kesucian jiwa yang membawa kebahagiaan, keselamatan dan keuntungan. Firman Allah SWT:

“*Sesungguhnya berbahagialah orang yang menyucikan jiwanya, dan menyesalah atau rugilah orang yang mengotori jiwanya sendiri*”, (al-Syams 91:9-10)

ii. *Muraqabah* (Meletakkan diri supaya berwaspada dan berhati-hati)

Muraqabah bererti berwaspada dan berhati-hati terhadap serangan penyakit rohani yang wujud dalam diri manusia. Tujuannya ialah menjaga kesopanan diri terhadap Allah Yang Maha Mengawasi segala gerak-geri manusia. Dengan demikian, seseorang yang memiliki sifat *muraqabah* dapat mengatasi kelemahan diri sendiri dalam menjalankan ketaatan kepada Allah SWT dan membatasi dirinya daripada cenderung kepada kemaksiatan. Sifat *muraqabah* dapat disemai melalui keyakinan bahawa Allah SWT setiasa melihat dan memperhatikan gerak-geri manusia. Firman Allah SWT:

“*Dia (Allah) mengetahui batin dan lahir kamu, dan Dia mengetahui apa yang kamu usahakan*”. (surah al-An’am, 6:3)

iii. *Muhasabah* (Memperhitungkan Diri)

Muhasabah ertinya memperhitungkan atau menganalisis diri terhadap amalan-amalan hidup yang telah dilakukan. Memperhitungkan amalan memerlukan penilaian melalui menganalisis setiap perbuatan atau mengetahui kesilapan atau kesalahan yang lalu. Seterusnya hasil daripada menganalisis diri yang dilakukan, hendaklah diperbetulkan dengan segera agar kesilapan tidak berulang lagi. Kesimpulannya, konsep *muhasabah* bertujuan membentuk disiplin diri supaya sentiasa membuat penilaian di dalam menentukan corak kehidupan. Firman Allah SWT,

“Wahai orang-orang beriman, Bertakwalah kamu kepada Allah dan setiap diri hendaklah melihat apa yang telah berlalu dari amalan-amalannya untuk hari esok dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan”. (al-Hasyr 59:18)

iv. *Mu'aqabah* (Menilai Hasil Kerja yang Dilakukan)

Mu'aqabah ialah penilaian hasil kerja yang dilakukan melalui proses penelitian terhadap kekurangan amalan-amalan yang telah dilakukan kerana kesilapan dan kesalahan yang dilakukan. Kesilapan atau kesalahan yang dilakukan tidak boleh dibiarkan sahaja kerana ia mungkin akan berulang. Oleh, itu satu inisiatif perlu diambil untuk memperbaiki kesilapan yang lalu kerana kesilapan adalah dosa yang mana dosa yang kecil akan menyebabkan menjadi besar jika ia sentiasa diulangi. Justeru, proses *mu'aqabah* dapat menghukum diri setelah membuat penelitian dan penilaian perbuatan yang dilakukan.

v. *Mujahadah* (Meneruskan Usaha untuk mengawasi diri)

Mujahadah ertinya berjuang bersungguh-sungguh di jalan Allah SWT tanpa menghiraukan perasaan takut dan gentar yang timbul dalam diri seseorang. Ia juga membawa maksud bahawa sifat ini dapat menghindari perasaan malas terhadap aktiviti kehidupan yang didorong oleh hawa nafsu. Apabila seseorang mempunyai sifat *mujahadah*, dia akan merasakan dirinya sentiasa bersemangat dalam perjuangan hidup khususnya dalam mengerjakan ibadah terhadap Allah SWT.

vi. *Mu'atabah* (Melahirkan Rasa Kekesalan Terhadap Kesalahan yang dilakukan)

Mu'atabah ialah proses mengkritik diri sehingga melahirkan rasa kekesalan terhadap kesalahan yang dilakukan. Tujuannya untuk mewujudkan ketenangan jiwa, tidak gentar menghadapi sebarang ujian dan yakin bahawa rahmat dan reda Allah SWT sentiasa bersamanya. Sesungguhnya sifat mengkritik diri memberi kesan mendalam terhadap jiwa dan ia bertindak sebagai pemberi ingatan dan amaran dalam melakukan sesuatu amalan. Firman Allah SWT:

“Dan berikanlah peringatan (khususnya terhadap diri sendiri), sebab peringatan itu bermanfaat untuk orang-orang mukmin”. (al-Dzariyat 51:55)

Pengawasan Luaran

Sejarah telah membuktikan bahawa pengawasan luaran *hisbah* memainkan peranan yang cukup penting untuk mencegah dari berlakunya pelanggaran hukum dan penyelewengan. Bidang tugas untuk mencegah dan mengawasi daripada berlakunya penyalahgunaan dan penyelewengan terhadap ekonomi terutamanya perniagaan produk halal adalah merupakan tanggungjawab yang amat besar (Auni, 2000). Aspek pengawasan luaran dalam bidang perniagaan ini juga berlaku pada zaman Rasulullah SAW terutamanya dalam urusan jual beli di pasar. Rasulullah SAW pernah pada zamannya memantau kegiatan yang berlaku di pasar-pasar bagi memastikan tidak ada berlakunya penipuan dalam urusan jual beli. Apabila berlakunya sebarang bentuk penipuan, maka Rasulullah SAW terus menegur terutama yang berkaitan dengan timbangan dan kualiti sesuatu peroduk itu (Akram, 1982).

Pengawasan luaran perniagaan produk halal di Malaysia telah diperuntukan di dalam peruntukan perundangan seperti mana yang termaktub pada Akta Prihal Dagangan 2011 di bawah seksyen 28 dan 29, dan Akta Kesalahan Jenayah Syariah Jabatan Agama Islam Negeri. Bentuk pengawasan tersebut adalah yang berbentuk pemberian sijil halal Malaysia, pemantauan dan penguatkuasaan sebaik sahaja peniaga mendapat sijil halal Malaysia. Pengawasan luaran seumpama ini adalah merupakan bentuk amalan yang diamalkan dan diterapkan kepada peniaga-peniaga produk halal di Malaysia. Pasukan pemantauan dan penguatkuasaan yang terdiri daripada pegawai-pegawai JAKIM dan JAIN yang dilantik melalau Akta Perihal Dagangan 2011 (Hakimah, 2015).

Di samping itu bentuk pengawasan luaran yang diterapkan ialah melalui aduan pengguna dan pelanggaran undang-undang oleh peniaga produk makanan halal. Aduan daripada pengguna biasanya ialah apabila melibatkan sumber bahan-bahan mentah yang diperolehi adalah tidak halal. Begitu juga pelanggaran undang-undang seperti penggunaan bahan pengawet berlebihan sehingga memudaratkan kesihatan kepada para pengguna. Pihak penguatkuasa JAKIM biasanya akan menerima aduan tersebut dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya (Hakimah, 2015).

Sebagai kesimpulannya, pengawasan dalaman dan luaran merupakan etika *hisbah* yang memainkan peranan yang cukup penting dalam membentuk peribadi seseorang individu Muslim itu di dalam melaksanakan perintah Allah SWT. Penerapan etika *hisbah* ini dapat menjamin seseorang itu menghindari daripada sifat-sifat *mazmumah* dan menjadikannya bertanggungjawab dan menunaikan amanah yang diberikan kepada mereka.

Begitulah sebaliknya peniaga-peniaga produk halal seharusnya merasa dirinya diawasi serta menjiwai etika *hisbah* ini.

APLIKASI HISBAH DALAM PERNIAGAAN PRODUK HALAL DI MALAYSIA

Pengawasan perniagaan produk halal dan aplikasi *hisbah* di Malaysia amat penting bagi menjamin kepatuhan syariah. Justeru itu, pengawasan perniagaan produk halal melalui aplikasi *hisbah* dapat menyediakan kaedah pencegahan sebelum berlakunya sesuatu perlakuan buruk berlaku (Hayaati, 2008). Pemain industri terutamanya para pengusaha dan pengedar produk makanan halal harus memiliki integriti yang tinggi bagi menjamin kehalalan dan kualiti sesuatu produk tersebut (Lokman, 2012). Ini adalah kerana Malaysia yang mahu menonjolkan produk patuh syariah dan sudah tiba masanya untuk mengetengahkan industri produk makanan halal sebagai penggerak kepada ekonomi umat Islam, kerana Islam adalah agama rasmi Negara.

Dalam melaksanakan pengawasan perniagaan produk halal di Malaysia, terdapat akta-akta yang diperuntukkan, antaranya ialah Akta Perihal Dagangan 2011, Akta Binatang 1956, Akta Wilayah Persekutuan dan Enakmen Halal Negeri. Pengawasan dan penguatkuasaan ini juga turut mendapat panduan secara manual yang dikeluarkan oleh JAKIM dan Jabatan Standard Negara. Manual tersebut ialah dan MS 1500:2009. Jadual di bawah adalah merupakan statistik pengawasan perniagaan produk halal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sepanjang tahun 2014.

Jadual 2: Statistik Pemantauan dan Penguatkuasaan JAKIM 2014

Pemeriksaan	Pengawasan/Pemantauan	Penguatkuasaan	Jumlah
Jumlah	1073	291	1364

Sumber: JAKIM: 2014

Jumlah aktiviti pengawasan dan penguatkuasaan pada tahun 2014 yang direkodkan oleh JAKIM ialah 1364. Daripada jumlah tersebut sebanyak 291 tindakan penguatkuasaan diambil. Ini menunjukkan walaupun adanya peruntukkan undang-undang pengawasan dan penguatkuasaan halal namun masih ada pihak pemain industri halal melanggar peraturan tersebut. Keadaan ini menepati bertapa konsep dan aplikasi *hisbah* itu amat penting untuk diterapkan dalam pengawasan dan penguatkuasaan ekonomi halal di Malaysia.

SUMBANGAN APLIKASI *HISBAH* DALAM PENGAWASAN PERNIAGAAN PRODUK HALAL TERHADAP INDUSTRI HALAL

Sistem *hisbah* dapat menyumbang kepada pemantapan industri perniagaan produk halal di Malaysia. Intipati tarbiyah (pendidikan) yang terkandung dalam pendekatan *hisbah* merupakan rangsangan dalaman dan luaran yang mendorong motivasi kepada pelaksana sistem *hisbah*. Rangsangan dalaman iaitu *muhasabah al-nafs* dan luaran melalui penguatkuasaan undang-undang adalah merupakan etika yang harus diaplikasikan oleh pelaksana *hisbah* kerana ianya bersifat menanamkan rasa tanggungjawab dan kesedaran abadi mereka ialah sebagai hamba dan Khalifah di muka bumi ini. Tugas utama mereka ialah untuk merealisasikan pengawasan dalam Islam yang merupakan bebanan yang besar. Apabila adanya amanah dan rasa tanggungjawab terhadap diri pembuat dasar, penguatkuasa, pemain industri, dan masyarakat umumnya, maka pemantapan industri ekonomi halal negara boleh menjadi kenyataan.

Menurut Saadan man (2014), gabung jalin antara pembuat dasar undang-undang, pelaksana undang-undang, NGO, pemain industri dan pengguna akan memantapkan lagi pengawalseliaan, penguatkuasaan dan pendakwaan. Sebarang bentuk penyelewengan, penipuan, melanggar atau enggan mematuhi undang-undang yang berkaitan dengan industri perniagaan produk halal akan dapat dikawal atau dibanteras dengan baik. Ini adalah mekanisme yang terbaik dan berkesan dalam usaha menjaga kepentingan pengguna terutamanya yang beragama Islam dari sudut halal dan haram, kebersihan, mahupun keselamatan makanan.

Kemudian kebaikan yang boleh didapati daripada hasil aplikasi sistem *hisbah* ialah industri perniagaan produk halal akan berkembang baik selari dengan peredaran masa dan pasaran global. Apabila industri perniagaan produk halal negara mantap, kita boleh bersaing dengan negara-negara maju dunia terutamanya dalam bidang makanan dan kepenggunaan. Menurut Lokman (2012), Malaysia sebagai sebuah negara yang dikatakan telah menerokai dan menempa nama dalam pengeluaran produk berlandaskan hukum syariah khususnya dalam pensijilan halal dunia seharusnya ditatang dengan rapi. Daripada kes-kes penyelewengan dan ketidakpatuhan terhadap prosedur halal di Malaysia kebelakangan ini bukan sahaja menyentuh perasaan umat Islam, malah mencemarkan nama negara yang telah mengisytiharkan Halal Hab dan menyebabkan kelancaran pasaran produk halal di peringkat nasional dan antarabangsa akan terencat. Sewajarnya penghormatan negara maju terhadap Malaysia tidak harus kita persiapkan.

Pengaruh kuat Malaysia di kalangan negara-negara timur tengah memberikan impak yang besar di negara Barat dan Eropah lebih-lebih lagi terdapat organisasi dan persatuan Islam diberikan kepercayaan untuk mengendalikan pensijilan halal. Kerajaan Barat dan Eropah berusaha

memanfaatkan peranan mereka untuk memacukan ekonomi negara bagi pasaran barangan halal apabila menyedari hampir satu pertiga kuantiti pengguna dunia adalah umat Islam (Lokman, 2012). Organisasi dan persatuan Islam di Barat dan Eropah yang terdiri dari kalangan imigran Islam yang berasal daripada timur tengah memang mempunyai hubungan yang erat dengan JAKIM. Dengan adanya hubungan baik yang sudah lama terjalin ini, negara akan mendapat manfaat dari segi ekonomi terutamanya industri halal dan tayyiban.

KESIMPULAN

Hisbah merupakan elemen pengawasan yang menjadi asas kepada kehidupan masyarakat Muslim terutamanya terhadap perniagaan produk halal. Ianya mempunyai peranannya tersendiri bagi memastikan persekitaran perniagaan yang sentiasa berada pada kondisi patuh syariah. Aplikasi prinsip-prinsip *hisbah* yang diterapkan dalam perniagaan produk halal dapat menjamin kehalalan dan kualiti serta keselamatan sesuatu produk tersebut. Para pengusaha dan pekerja produk makanan halal terutamanya yang beragama Islam, memainkan peranan yang cukup penting. Industri produk makanan halal ini akan terus berkembang sesuai dengan tuntutan prinsip-prinsip *hisbah* dan pihak kerajaan yang sentiasa mahukan setiap perkhidmatan yang memiliki jaminan kualiti dan patuh syariah. Peranan mereka sebagai pengusaha yang memiliki kuasa serta tanggungjawab di dalam menentukan kehalalan sesuatu produk halal amatlah dituntut dan memberikan kesan yang cukup signifikan.

Di samping itu, pegawai-pegawai penguatkuasa atau *muhtasib* yang telah dilantik oleh pihak berkuasa juga memainkan peranan yang cukup penting bagi mengawasi perjalanan perniagaan produk halal supaya tidak berlakunya penyelewengan. Hal ini dapat diaplikasikan oleh pegawai-pegawai pengawasan perniagaan produk halal di Malaysia. Pegawai-pegawai pengawasan dan penguatkuasaan yang dilantik oleh agensi-agensi berautoriti mempunyai tugas yang menyerupai tugas *muhtasib* baik di manapun ia berada dan ditugaskan.

RUJUKAN

- Abd al-Karim Zaidan. (1984). *Nizam al-Qada' fi al-Syariah al-Islamiyyah*. Baghdad: Matba'ah al-Aini.
- 'Abd Allah Muhammad bin Muflih al-Muqaddisi. (1977). *Al-Adab al-Sya'iiyyat*, Jil.1. Beirut: Muassat al-Risalat.

- Abi Husayn Ahmad bin faris bin Zakariyya. (1972), *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. Jil. II. Beirut: Dar al-Jil.
- Abu al-Husain Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim. (1924). *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi, Kitab al-Iman*, t.tpt: al-Matba'ah al-Misriyyah wa Maktabatuha.
- Ahmad Che Yaacob (1999), "Penulisan Fuqaha' Mengenai Hisbah dan Peranannya di Dalam Merealisasikan Hukum Fiqh", *Jurnal Syariah*, Jil. 7 Bil. 2, Julai 1999.
- Ahmad Ibrahim Abu Sin, (1991). *Pengurusan dalam Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il bin Ibrahim bin al-Mughirah. (1986). *Sahih. Kitab al-Iman*, Kaherah: Dar al-Kutub al-Mirs
- Al-Mawardi, (t.t), *al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayah al-Diniyyah*, Kahirah: Maktabah at-Taufiqiyyah.
- Al-Qur'an al-Karim
- Al-Sahi, Syawqi 'Abduh (1983). *Muqarabah al-Munawazanah al-'Amah lil-Daulah fi Dhau'i al-Islami*. Maktabah al-Nahdah al-Misriyah al-Qahirah.
- Auni Hj. Abdullah (2000), *Hisbah Dan Pentadbiran Negara*, Kuala Lumpur: IKDAS.
- Azrin Ibrahim (2013), *Hisbah dalam Pengurusan Islam: Falsafah dan Etika Pelaksanaan*, *Jurnal Muamalat*, Bil. 6 2013.
- Ghazali Darusalam, (2001). *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur. Utusan Publications and Distributors.
- Haayati, (2008) *Efektif Governan Dan Pelaksanaannya Dalam Pentadbiran Islam*, *Jurnal Syariah* Jil. 16
- Haalaq, Hassan Ali. (1980). *Al-Idarah al-Mahalliah al-Islamiyyah*. Beirut: Dar al-Jamiah.
- Hakimah Mohd. Yusof, (2015). Pengarah, Bahagian Hab Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Temubual pada 28 Mei 2015.
- Hamameh, (1983). *Health sciens in early Islam*. Texas: V.1. Noor Health Foundation and Zahra Publication, Blanco.
- H. Mahmud Yunus (1989), *Kamus Arab – Indonesia*. Jakarta. P.T. Hidakarya Agung
- Ibnu Khaldun, (t.t) 'Abd al-Rahman bin Muhammad bin Khaldul. *Muqaddimah Ibnu Khaldun*
- Ibn Taimiah, (m. 728H). *Hisbah fi al-Islam*. Jami'ah al-Islami'ah Madinah al-Munawwarah.
- Imamuddin, (1963). "Sources og Economic History of Spain under the Umayyads." *Journal of the Pakistan Historical Society*, 6.
- Khairul Anwar. (2001). *Institusi Hisbah dalam sistem pengurusan Islam*. Latihan Ilmiah. Universiti Malaya Kuala Lumpur.

- Lewis Bernard, (1963). *Istanbul and the Civilisation of the Ottomon Empire*. University of Oklahoma Press.
- Lokman Ab. Rahman, (2012), *Penilaian Terhadap Pelaksanaan Pensijilan Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)* (tesis Ph.D), K.Lumpur: API UM.
- Ma'tuq, Rasyad Abbas. (1982). *Nizam al-Hisbah fi al-Iraq*. Jeddah: Tihama.
- Mohamad Ezam, (2006). *Penghayatan Prinsip Hisbah dan Urus Tadbir yang Baik di Malaysia*. [https://DPPWP](https://DPPWP.wordpress.com). Wordpress.com. Kuala Lumpur.
- Mohammad Natsir. (1996). *Fiqhud Dakwah*. Yayasan Capita Selecta. Jakarta.
- Muhammad al-Buraey (1992). *Pembangunan pentadbiran menurut perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Akram Khan (1982). "Al-Hisba and the Islamic Economy." *Lampiran Public Duties in In Islam by Ibn Taimiyah (translated by Mohtar Holland)*. Leicester: The Islamic Foundation
- Mardzelah Makhsin, (2008). *Hisbah Sistem Pengawasan dan Etika Pengurusan Islam*. Sintok. Universiti Utara Malaysia.
- Noor Azlin Ismail, (2015). *Mengapa Makanan Halal*. Kuala Lumpur. Al-Madinah.
- Noranita Mat Rozi, (2003). *Institusi Hisbah Dalam Pentadbiran Islam: Satu Kajian Mengenai Sejarah dan Pelaksanaannya di bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri*. (Tesis Ph.D. Jabatan Sejarah dan Temadun Islam Universiti Malaya).
- Saadman Man, (2014). *Halalkah Makanan Kita?* Kuala Lumpur. PTS Islamika.
- Sa'id bin 'Abd Allah bin Sa'id al-'Arifi. (1987). *Al-hisbah wa al-Nihayat al-Ammat Dirasatun Muqaranatun*. Al-'Arabiyah al-Sa'udiyah: Dar al-Rasyd.
- Shaw, Stanford. (1976). *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*. Jld. 1. Cambridge University Press.
- Special Pull Out OIC Today (2015), *Business and Investment Magazine*, WHC Kuala Lumpur.
- State of the Global Islamic Economy, 2014-2015 report*. Thomson Reuters. Dubai The Capital of Islamic Economy.
- 6th Muslim World Biz, (2015). *Business and Investment Zone*. PWTC Kuala Lumpur Malaysia.
- YaPEIM (Panel Akademi Pengurusan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia), (2005). *Pengurusan dalam Islam: Menghayati prinsip dan nilai Qurani*. Kuala Lumpur: Akademi Pengurusan YaPEIM.

Disclaimer

Opinions expressed in this article are the opinions of the author(s). Journal of Fatwa Management and Research shall not be responsible or answerable for any loss, damage or liability etc. caused in relation to/arising out of the use of the content.